Analisis Struktur Makro dan Mikro Kemahiran Bercerita dalam Kalangan Kanak-Kanak Melayu Berumur 5 dan 6 Tahun

Rogayah A Razak
Chan Chiew Eim
Lim Hui Woan
Mohd Azmarul A Aziz
Jabatan Audiologi & Sains Pertuturan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
Universiti Kebangsaan Malaysia
rogayah@medic.ukm.my

Lixian Jin
Unit Terapi Pertuturan & Bahasa, Fakulti Sains Kesihatan,
De Montfort University, UK

Abstrak

Kanak-kanak menggunakan pelbagai bentuk naratif di dalam kehidupan seharian mereka sama ada di rumah mahupun di sekolah. Makalah ini akan menghuraikan kemahiran naratif 24 orang kanak-kanak Melayu berumur 5 tahun dan 6 tahun. Aktiviti yang dijalankan adalah penceritaan semula kisah 'Lumba Lari di antara Kura-kura dan Arnab' berdasarkan buku cerita bergambar. Analisis tertumpu kepada aspek makrostruktur (struktur naratif) dan mikrostruktur naratif (aspek sintaksis). Analisis naratif struktur (Labov, 1972) dan alat profil bahasa, *Language Assessment Remediation Screening Procedure* (LARSP) digunakan untuk mengkaji naratif yang dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa frekuensi penggunaan komponen struktur seperti orientasi, komplikasi, keputusan, penilaian meningkat dengan peningkatan umur. Hanya komponen abstrak dan koda sahaja didapati berada pada tahap yang rendah pada kelompok umur ini. Walaupun demikian, analisis LARSP mendapati bahawa terdapat perbezaan daripada segi kekompleksan struktur sintaksis merentas umur dalam kemahiran bercerita semula.

Kata kunci: Naratif, makrostruktur, mikrostruktur, profil bahasa, kanak-kanak Melayu

Abstract

Children use various forms of narrative in their everyday lifes; whether at home or at school. This article will describe the narrative abilities of 24 Malay children aged 5 and 6 years old. The task is a story retelling of the story titled 'The Race between a Hare and a Tortoise' using a picture book. The analysis focuses on the macrostructure (narrative structure) and microstructure (syntactic aspects). The narative structure (Labov, 1972) and the language profile tool Language Assessement Remediation Screening Procedure (LARSP) are used to analyze the narrative produced by the children. The results showed that the frequency of use for structures of orientation, complication, results, evaluation increased with the increase in age. Component structures such as abstract and coda were found to be of lowest frequency

for this age group. However, the LARSP analysis showed that there is a difference in terms of the syntactic complexity across the age ranges.

***Keywords**: narrative, macrostructure, mikrostructure, language profile, Malay children*

Pengenalan

Pelbagai definisi tentang naratif telah diberikan oleh penyelidik-penyelidik yang berlainan. McCabe (1991) mendefinisikan naratif sebagai sesuatu peristiwa nyata yang telah berlaku dalam urutan kronologi. Contohnya, peristiwa kemalangan jalan raya yang menyebabkan seorang tua cedera. Ia ternyata berlaku dan urutan yang dimaksudkan iaitu menceritakan bagaimana kemalangan itu berlaku sehinggalah orang tua tersebut dihantar ke hospital.

Berman (1994) mengatakan bahawa naratif merupakan cerita yang mempunyai urutan peristiwa di mana ia berlaku dalam satu atau lebih daripada satu tempoh masa. Tempoh masa ini mungkin pendek seperti dalam cerita kanak-kanak, atau mungkin panjang seperti dalam cerita novel dan epik.

Hughes, McGillivray dan Schmidek (1997) telah mengenalpasti tiga jenis naratif yang berlainan iaitu naratif peribadi *(personal narratives)*, naratif skrip *(script narratives)*, dan naratif cereka *(fictional narratives).* Dalam makalah ini, jenis naratif yang akan dikaji ialah naratif cereka yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa jenis naratif yang paling banyak dihasilkan oleh kanak-kanak adalah naratif peribadi (Preece, 1987; Aukrust, 2002).

Terdapat beberapa jenis model atau teori untuk mengkaji perkembangan kemahiran naratif di kalangan kanak-kanak. Contohnya, Tahap Naratif Applebee (1978), Analisis Tatabahasa Cerita Stein dan Glenn (1977) dan Analisis Struktur Naratif menggunakan Model Labov (1972). Model Labov(1972) akan digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini.

Perkembangan naratif kanak-kanak bermula pada waktu prasekolah dan berkembang sepenuhnya pada masa usia persekolahan (Paul, 2007). Beliau juga mengatakan bahawa kemahiran naratif boleh dikaitkan dengan kejayaan akademik kanak-kanak di sekolah. Kanak-kanak yang mempunyai kecelaruan bahasa di peringkat

prasekolah didapati kurang mahir dalam menghasilkan naratif berbanding dengan kanak-kanak normal yang sebaya umurnya.

Justeru, makalah ini bertujuan menghuraikan tentang kemahiran naratif di kalangan kanak-kanak Melayu tempatan. Hasil kajian ini penting kerana maklumat yang dikumpulkan dapat digunakan dalam situasi klinikal untuk membantu ahli terapis pertuturan bahasa mengenalpasti masalah kelewatan bahasa kanak-kanak terutamanya dalam aspek naratif khususnya dan dalam aspek pembelajaran pada amnya.

Tinjauan Kajian

Antara pengkaji yang giat menyumbang kepada kajian perkembangan naratif ialah Labov (1972), Applebee (1978), Stein dan Glenn (1979), Peterson dan McCabe (1983), McCabe dan Rollins (1994) dan Renfrew (1997). Pengkaji-pengkaji tersebut bukan sahaja menghuraikan perkembangan naratif tetapi juga menghasilkan norma-norma tahap kemahiran naratif kanak-kanak di negara mereka.

Peterson dan McCabe (1983) menganalisis naratif peribadi di kalangan 96 kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 9 tahun. Mereka mengaplikasikan *high point analysis* untuk mengkaji emosi dan kandungan berujukan naratif yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Naratif dilihat sebagai mempunyai dua fungsi iaitu fungsi berujukan dan fungsi penilaian. Peterson dan McCabe (1983) mendapati bahawa sekurang-kurang 50% klausa yang didapati daripada data yang terkumpul (1000 sampel naratif peribadi) mengandungi komponen penilaian. Mereka juga mendapati bahawa kanak-kanak menghasilkan komponen *penilaian* dalam bentuk berbeza daripada segi fonologi, leksikal dan sintaksis untuk menyampaikan sikap mereka terhadap kisah yang diceritakan.

Stein dan Glenn (1979) pula memperkenalkan lima set struktur cerita tatabahasa (*story grammar*) termasuklah pendahuluan formal (*formal beginning*) dan latar cerita (*setting*), peristiwa pemula (*initiating events*), masalah, kesan dan akibat dan diakhiri dengan penamat cerita. Di samping itu, Stein dan Glenn juga telah mengesan lapan tahap perkembangan naratif yang khusus iaitu deskripsi terasing, deskripsi urutan, urutan aksi, urutan reaktif, episod teringkas, episod lengkap, episod kompleks dan episod tersemat.

Dalam tahun 1983, Peterson dan McCabe pula telah menjalankan kajian naratif ke atas 96 orang kanak-kanak kulit putih yang berumur antara tiga tahun sehingga sembilan tahun. Peterson dan McCabe telah menggunakan lapan tahap perkembangan naratif yang diperkenalkan oleh Stein dan Glenn (1979) sebagai kaedah menganalisis kemahiran naratif kanak-kanak tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih muda menghasilkan tahap naratif deskripsi urutan dan urutan aksi. Berikut merupakan contoh ayat urutan aksi kanak-kanak berumur empat tahun:-

> "*I just said, I, I said, 'Hi, hello, and how are you? And then, they go to someplace else and then I had a party, with, with, with, with candy and…hmm..My, and my, um I don't know*"

Seterusnya, Peterson dan McCabe (1983) mendapati kanak-kanak yang berada di awal alam persekolahan menghasilkan tahap episod teringkas iaitu naratif mereka mengandungi permulaan cerita, kesan dan akibat, dan karakter. Berikut merupakan contoh episod teringkas yang mengandungi permulaan cerita (kisah dipukul oleh kawan sekolah) serta kesan dan akibat (kawannya dipukul):

> "… *And he bit me, you know, I was in back of him and he hit me, and before I got in the house, it was bleeding so hard. Way down to my legs…Well, Scotty, you know, he got spanking*." (Peterson dan McCabe, 1983, p. 74-75)

Selain daripada itu, Peterson dan McCabe (1983) mendapati 68% kanak-kanak berumur lapan dan sembilan tahun berada pada tahap perkembangan naratif episod lengkap. Pada tahun 1988, Stein membuat perbandingan kemahiran naratif antara kanak-kanak pra-sekolah, kanak-kanak berumur sembilan tahun dan sebelas tahun. Beliau mendapati kanak-kanak yang lebih tua mempunyai kemahiran naratif yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang lebih muda kerana naratif yang disampaikan oleh mereka mengandungi jalan cerita yang lebih kompleks terutamanya ketika menghubungkan setiap set plot penceritaan.

Struktur mikro naratif merujuk kepada perkembangan unsur-unsur linguistik yang mempengaruhi rangkaian dan urutan idea naratif seperti penggunaan min panjang ujaran (MPU), penggunaan frasa kata nama dan bilangan penggunaan kata kerja yang betul.

Labov (1972) merupakan seorang ahli sosiolinguistik yang telah mempelopori analisis naratif daripada aspek linguistik. Beliau telah membentuk satu model yang

berdasarkan pengulangan corak cerita dan telah membahagikan struktur naratif kepada enam komponen. Selain kanak-kanak, model Labov (1972) ini telah juga digunakan untuk menganalisiskan struktuk naratif orang dewasa (Kemper, 1984; Umiker-Seboek, 1979).

Dalam Model Labov (1972), digariskan enam komponen dalam analisis struktuk naratif seperti dalam jadual 1.

KOMPONEN	DEFINISI
a) Abstrak	Memberi ringkasan cerita secara keseluruhan.
b) Orientasi	Memberi maklumat tentang masa cerita berlaku, lokasi cerita, watak-watak yang terlibat, dan peristiwa yang berlaku dalam cerita.
c) Komplikasi	Kejadian berlaku yang mencetuskan dilemma/konflik.
d) Keputusan/Resolusi	Memberitahu pembaca/pendengar tentang cara konflik diselesaikan.
e) Penilaian	Mengungkapkan keadaan emosi yang dihadapi oleh watak utama dan memberi nilai pengajaran cerita.
f) Koda	Menandakan bahawa cerita itu telah tamat.

Jadual 1. Struktur Naratif Labov (1972)

Beberapa kajian telah dijalankan tentang perkembangan naratif kanak-kanak dengan menggunakan Model Labov. Contohya, Umiker –Seboek (1979) telah mengkaji perbualan cerita yang dihasilkan oleh kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun. Cerita-cerita tersebut menggunakan Model Labov untuk dianalisis struktur naratifnya. Keputusan kajian menunjukkan bahawa cerita kanak-kanak berumur tiga tahun mengandungi komponen pengenalan dan komplikasi; manakala, cerita kanak-kanak yang berumur lima tahun mengandungi komponen abstrak, penilaian dan resolusi.

Sehingga kini, terdapat hanya beberapa penyelidik tempatan yang menyiasat perkembangan naratif kanak-kanak Melayu (A. Aziz, 2001; S. Yasin, 2001). Kedua-dua kajian masing-masing oleh Aziz (2001) dan Yasin (2001) telah mengkaji tentang kemahiran bercerita secara lisan di kalangan dua kumpulan kanak-kanak Melayu , iaitu berumur 5 dan 6 tahun. Ujian Cerita Bas Renfrew (Renfrew, 1997) iaitu cerita tentang sebuah bas sekolah yang lari daripada tuannya dan bas itu melalui beberapa pengalaman contohnya, meredah kawasan kampung di sekelilingnya. Cerita itu dilihat daripada sudut pandangan bas tersebut. Data dianalisis menggunakan Tahap Naratif Applebee (1978),

Purata Panjang Setiap T-Unit dan skor bagi Maklumat. Kedua-dua hasil kajian Aziz (2001) dan Yasin (2001) menunjukkan bahawa kemahiran bercerita bagi kanak-kanak berumur 6 tahun adalah lebih baik daripada kanak-kanak berumur 5 tahun.

Perbincangan data naratif dalam makalah ini akan menggunakan model Labov untuk melihat aspek makrostruktur. Di samping itu, carta profil linguistik LARSP digunakan untuk memprofil mikrostruktur iaitu struktur sintaksis yang dihasilkan oleh kanak-kanak semasa aktiviti bercerita semula.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian hirisan lintang yang melibatkan 24 subjek dari empat kumpulan umur yang sela umurnya adalah enam bulan (5;0-5;6, ;5;7-5;11, 6;0-6;6 dan 6;7-6;11). 6 orang kanak-kanak; 3 lelaki dan 3 perempuan dipilih bagi setiap sela umur. Kanak-kanak Melayu yang dipilih adalah kanak-kanak Melayu berumur 5 dan 6 tahun, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan. Di samping itu, ibu bapa, penjaga atau guru melaporkan bahawa kanak–kanak tersebut tidak menunjukkan sebarang sindrom atau kelambatan dalam perkembangan fizikal, pendengaran, pertuturan dan bahasa dan mempunyai kemahiran berbahasa yang setara dengan rakan sebaya.

Kajian ini dijalankan sama ada di tadika atau di rumah subjek yang berkenaan. Pengumpulan sampel naratif adalah dengan menggunakan alat rakaman video dan buku cerita bergambar. yang bertajuk "*Lumba lari antara kura-kura dan arnab*". Cerita tersebut mengandungi jalan cerita yang mudah difahami dan unsur-unsur moral yang tinggi serta bersesuaian dengan tahap bahasa kanak-kanak Melayu pra-sekolah. Terdapat sebelas set gambar dalam buku cerita bergambar tersebut dan ia mengandungi cerita yang berlaku mengikut urutan kronologi. Selain daripada itu, gambar-gambar tersebut berpusat kepada enam set struktur naratif yang diperkenalkan oleh Labov (1972).

Analisis


Analisis data merangkumi hasil dapatan kuantitatif dan kualitatif dan statistik inferens. Analisis kuantitatif memberikan analisis skor naratif keseluruhan, skor markah dan jantina

mengikut kumpulan umur. Selain itu, peratusan taburan struktur makro naratif juga diberikan.

Min markah bagi aktiviti penceritaan semula mengikut empat kumpulan golongan umur dipaparkan dalam Jadual 2 dan Rajah 1. Secara keseluruhan, didapati bahawa min markah struktur naratif yang dihasilkan meningkat seiring dengan peningkatan umur.

Kumpulan Umur	Julat markah	Min skor	Sisihan piawai
5;0-5;06	6-11	7.83	1.87
5;07-5;11	6-10	8.50	1.60
6;0-6;06	9-12	10.33	1.50
6;07-6;11	9-14	11.33	1.86

Jadual 2: Min skor dan sisihan piawai mengikut kumpulan umur.



Rajah 1. Perbandingan penghasilan min markah struktur naratif mengikut kumpulan umur

Ujian statistik *Analysis of Variance* (ANOVA) satu hala di antara kumpulan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan umur dalam min permarkahan struktur naratif, $F(3, 20) = 5.311$, $p<0.05$. Dapatan ujian *post-hoc* mengesahkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara kumpulan umur 5;0 sehingga 5;06 dengan 6;07 sehingga 6;11, serta kumpulan umur 5;07 sehingga 5;11 dengan 6;07

sehingga 6;11. Jadual 2 dan Rajah 2 menunjukkan peningkatan min skor selari dengan peningkatan umur subjek.

Jadual 3 memaparkan min markah aktiviti bercerita semula mengikut umur dan jantina. Secara umumnya, tiada perbezaan ketara yang dapat dilihat di antara min markah mengikut jantina dalam kumpulan umur 5;0 -5;11 serta kumpulan umur 6;0-6;11.

Kumpulan Umur	Lelaki		Perempuan	
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai
5;0-5;11	7.83	1.60	8.5	1.87
6;0-6;11	13.0	3.41	10.33	1.21

Jadual 3: Min skor ujian bercerita balik dan sisihan piawai mengikut kumpulan umur dan jantina.

Ujian statistik t-tak berpasangan digunakan untuk mengkaji perbezaan min markah bagi struktur naratif di antara jantina. Keputusan menunjukkan bahawa tiada perbezaan di antara jantina bagi kumpulan umur 5;0 hingga 5;11, $t(10)=0.663$, $p>0.05$, dan kumpulan umur 6;0 hingga 6;11, $t(10)=1.023$, $p>0.05$.

Struktur makro naratif mengandungi sebelas struktur naratif dalam cerita ini. (sila rujuk lampiran B.). Seterusnya diberikan keputusan bagi sebelas struktur naratif tersebut.

Bagi struktur naratif abstrak, tiga kumpulan umur mempunyai peratusan yang sama (16.7%) manakala 6;07-6;11 menghasilkan prestasi yang paling tinggi (33.3%).

Struktur orientasi adalah struktur naratif yang dapat dikuasai dengan baik dengan peningkatan umur. Subjek tahun 6;0-6;06 dan 6;07-6;11 mendapat purata markah yang tertinggi untuk komponen orientasi (41.7%) diikuti dengan kumpulan umur 5;0-5;06 (35.4%) dan 5;07-5;11 (33.3%).

Bagi komponen komplikasi, peratusan markah komponen tersebut meningkat seiring dengan umur. Subjek kumpulan umur 6;0-6;06 dan kumpulan umur 6;07-6;11 mencapai peratusan yang tertinggi (83.3%) manakala kumpulan umur 5;0-5;06 mencapai nilai peratusan yang terendah (33.3%) diikuti dengan kumpulan umur 5;07- 5;11 (41.7%).

Begitu juga dengan struktur keputusan, pada amnya peratusan penggunaan meningkat selaras dengan umur 5 dan 6 tahun. Namun, kumpulan umur 5;0-5;06 dan

kumpulan umur 5;07 - 5;11 masing-masing mendapat nilai peratusan yang sama, iaitu 50% manakala kumpulan umur 6;0-6;6 mendapat 83% manakala kumpulan umur 6;07-6;11 mendapat nilai peratusan yang tertinggi (94.4%).


Untuk struktur penilaian pula, nilai peratusan tidak meningkat seiring dengan peningkatan umur kerana kumpulan umur 5;0 sehingga 5;06 dan kumpulan umur 6;0 sehingga 6;06 mendapat nilai peratusan yang sama (83.3%). Manakala, kumpulan umur 6;07 sehingga 6;11 mencapai peratusan yang tertinggi, iaitu 100%, diikuti dengan kumpulan umur 5;07 sehingga 5;11.

Nilai peratusan untuk struktur koda adalah sekata bagi umur 5 tahun dengan kedua-dua sela umur 5;0-5;6 dan 5;7-5;11 menghasilkan nilai peratusan yang sama (16.7%). Manakala, kumpulan umur 6;0 -6;06 dan kumpulan umur 6;07 -6;11 mencapai nilai peratusan yang sama (33.3%).

Episod 1	**Kumpulan umur**			
	5;0-5;06	**5;07-5;11**	**6;0-6;06**	**6;07-6;11**
1. Abstrak(Max=1)	33.3	33.3	33.3	66.7
2. Orientasi (Max=4)	54.1	50	66.7	54.1
3. Komplikasi (Max=1)	100	50	100	100
4. Keputusan (Max=1)	66.7	66.7	100	83.3
Episod 2	**Kumpulan umur**			
	5;0-5;06	**5;07-5;11**	**6;0-6;06**	**6;07-6;11**
5. Orientasi (Max=4)	16.7	16.7	16.7	29.1
6. Komplikasi (Max=1)	50	33.3	83.3	83.3
7. Keputusan (Max=1)	50	33.3	100	100
8. Keputusan (Max=1)	33.3	50	66.7	100
9. Keputusan/Komplikasi (Max=1)	83.3	83.3	100	100
10. Penilaian (Max=1)	83.3	33.3	83.3	100
11. Koda (Max=1)	33.3	16.7	33.3	33.3

Jadual 4: Min jumlah peratusan markah taburan struktur naratif dalam aktiviti bercerita balik mengikut episod.

Dalam jadual 4, paparan markah diberikan mengikut 2 episod dengan setiap episod mempunyai urutan struktur naratif tertentu dan markah diberikan untuk subjek yang menghasilkan setiap komponen dalam kedua-dua episod ini.



Rajah 2: Pencapaian taburan struktur naratif dalam aktiviti bercerita semula

Struktur sintaksis pada tahap ayat dan jenis ayat yang diperolehi daripada sampel naratif dikenalpasti dan diisikan ke dalam borang LARSP (*Language Assessment, Remediation, Screening Procedure*). Ini adalah supaya penggunaan bahasa dalam sampel naratif dapat dipetakan kepada tahap-tahap pemerolehan sintaksis dalam LARSP.

LARSP ialah profil bahasa yang mempunyai tahap-tahap perkembangan sintaksis berdasarkan aspek jenis klausa, frasa dan kata yang dihasilkan oleh subjek. (Sila rujuk contoh borang carta LARSP dalam lampiran C).

Tahap 1 – ujaran satu kata.
Tahap II – ujaran dua kata
Tahap III – ujaran tiga kata
Tahap IV – ujaran empat kata
Tahap V – tahap antara klausa
Tahap VI – tahap struktur kompleks, kesilapan struktur
Tahap VII – tahap wacana

Pada amnya keputusan profil bahasa dalam aktiviti bercerita semula menunjukkan bahawa majoriti ujaran subjek kajian yang berumur 5;0-5;06 tergolong ke dalam ujaran tahap II (29.70%) dan tahap III (27.70%) namun mereka menggunakan juga tahap IV, V dan VII pada peratusan yang rendah. Bagi kumpulan umur 5;07- 5;11 pula, tumpuan majoriti adalah pada tahap II (32.05) dan tahap III (30.67%) dengan penggunaan minimum tahap IV, V dan peningkatan dalam tahap VII iaitu 18.67%.


Bagi subjek berumur 6;0-6;6 pula penggunaan ketara pada tahap III (26.8%) dan tahap VII (28.85%) dan terdapat peningkatan dalam tahap IV dan tahap VI. Akhir sekali kanak-kanak berumur 6;7-6;11 pula mempunyai penggunaan bahasa yang ketara pada peringkat II (27.56%), tahap III (26.5%) dan peningkatan ketara pada tahap VII (29.59%).

Penggunaan yang ketara pada peringkat III dan ke atas juga menyebabkan penurunan penggunaan bahasa pada tahap satu kata iaitu daripada 9.9% bagi kelompok umur 5;0-5;6 sehingga kepada 0% bagi kelompok umur 6;7-6;11. Ini menandakan bahawa semakin kompleks tahap penggunaan bahasa semakin kurang penggunaan ujaran tahap satu kata dihasilkan. Ini dapat diperhatikan dalam jadual 4 di bawah.

	Tahap LARSP						
Umur	**I**	**II**	**III**	**IV**	**V**	**VI**	**VII**
5;0-5;06	9.90%	**29.70%**	27.70%	9.92%	8.91%	0%	12.87%
5;07-5;11	8.0%	32.0%	**30.67%**	4.0%	6.70%	0%	18.67%
6;0-6;06	2.99%	22.39%	26.87%	16.42%	1.50%	4.0%	**28.85%**
6;07-6;11	0%	27.56%	26.5%	7.14%	9.2%	6.9%	**29.59%**

Jadual 5: Pencapaian tahap-tahap sintaksis dalam LARSP bagi empat kumpulan umur

** Nilai peratusan yang dihitamkan menunjukkan majoriti peratus ujaran yang dihasilkan oleh subjek berdasarkan tahap LARSP dan kumpulan umur*



Rajah 3: Keseluruhan peratusan bagi penggunaan tahap sintaksis LARSP .

Tahap LARSP yang digunakan melalui contoh ujaran oleh subjek kajian dalam aktiviti bercerita semula diberikan dalam jadual 5 di bawah.

Tahap LARSP	Kombinasi LARSP yang digunakan	Huraian penggunaan ayat dalam naratif
I	i. Ayat Penyata- Kata kerja *Habis.*	Kombinasi ini merupakan strukutur yang paling kurang digunakan oleh subjek kajian. Tahap ini banyak digunakan dalam kumpulan umur 5;0 sehingga 5;06 namun, tahap ini semakin berkurangan apabila umur semakin meningkat
II	**Frasa:** i. FKerja+Objek(VO) *Ketawa kura-kura.* **Ayat:** i. Subjek+Fkerja (SV) *Arnab lari.* ii. Subjek+Adjektif (SA) *Arnab cepat.* iii. NegX *Arnab tak percaya.*	Terdapat satu jenis frasa kerja yang dihasilkan oleh subjek kajian iaitu kombinasi VO. Didapati bahawa kombinasi ini banyak dihasilkan oleh kumpulan umur 5;07 sehingga 5;11 berbanding dengan kumpulan umur yang lain. Ayat tahap II paling banyak dihasilkan oleh subjek berumur 5;0 sehingga 5;06 tahun. Dapatan memperlihatkan bahawa kombinasi SV paling banyak dihasilkan oleh kumpulan subjek kajian tersebut dengan nilai 54.3%, diikuti dengan kombinasi SA (45.73%)

III	**Ayat:** i. Subjek+F.kerja+ Adverba (SVA) *Dia lari dulu.* ii. Subjek+F.kerja+ Adverna (SVA) *Arnab tidur sekejap.* iii. NegXY *Arnab tak menang.* iv. Lain-lain *Arnab sudah lambat.*	Tahap ini banyak dihasilkan oleh subjek berumur 5;07 sehingga 5;11 tahun. SVA paling kerap dihasilkan oleh kumpulan subjek kajian tersebut dengan nilai peratusan 44.4%, diikuti dengan kombinasi lain-lain (27.7%), SVO (16.7%) dan NegXY (11.1%). Kombinasi lain-lain (*Other*) merupakan kombinasi LARSP yang tidak dapat dikategorikan ke dalam mana-mana kategori sedia ada carta profil LARSP.
IV	**Ayat:** i. Lain-lain: (a)**Adverba+Subjek+Fkerja+Adverba(ASVA)** *Pada suatu hari, arnab, kura-kura, singa berkumpul di hutan.* (b)**Subjek+FKerja+Subjek +FKerja(SVSV)** *Arnab tengok kura-kura berjalan.*	Ayat tahap IV yang dihasilkan oleh subjek kajian adalah kombinasi unik bagi bahasa Melayu basahan dan perlu diwujudkan kategori-kategori baru dalam carta profil LARSP. Kumpulan umur 6;0 sehingga 6;06 menghasikan ayat tahap IV LARSP dengan nilai peratusan yang tertinggi, iaitu sebanyak 16.42%.
V	**Ayat:** i. Koordinat *Arnab itu bangun dan terkejut.* ii. Subordinat *Arnab sedih sebab dia kalah.*	Dua jenis ayat tahap V dihasilkan oleh subjek kajian iaitu ayat koordinat dan subordinat. Kumpulan umur 6;07 sehingga 6;11 merupakan kumpulan umur yang paling banyak menghasilkan struktur ayat tersebut berbanding dengan kumpulan umur yang lain(9.2%).
VI	**Ayat:** i. Pasif *Arnab dikalahkan.*	Struktur ayat ini hanya dihasilkan oleh subjek berumur 6 tahun. Kumpulan umur 6;07 sehingga 6;11 menghasilkan ayat tersebut dengan peratusan yang paling tinggi iaitu 6.9% diikuti oleh kumpulan umur 6;0 sehingga 6;06(4.0%).

VII	**Ayat:** i. Penggunaan adverba *Lepas itu, kura-kura telah sampai.* ii. Lain-lain: (Pola cakap pindah) *Mereka berkata arnab paling laju.*	Struktur-struktur ayat ini digunakan oleh semua subjek kajian. Kumpulan umur 6;07 sehingga 6;11 mempunyai peratusan yang tertinggi iaitu 29.59% manakala kumpulan umur 5;0 sehingga 5;06 memperolehi peratusan yang terendah iaitu, 12.87%.

Jadual 6: Contoh struktur sintaksis yang dihasilkan berdasarkan tahap dalam LARSP

Penggunaan Ayat dalam Naratif

Jenis ayat yang digunakan oleh kanak-kanak yang berumur 5;0- 6;11 dalam naratif adalah ayat mudah, ayat kompleks, ayat koordinat dan ayat subordinat. Jenis ayat yang dihasilkan dalam setiap struktur naratif dalam penceritaan adalah seperti jadual 6 berikut.

Jenis ayat	Contoh ayat
Ayat mudah	1. Arnab tertidor kat pokok. 2. Kura-kura menang.
Ayat kompleks	1. Dia melompat di bahagian yang lama dan tergantung itu. 2. Mereka berkata arnab binatang yang paling laju.
Ayat koordinat	1. Arnab dan kura-kura nak lari.. 2. Kura-kura rasa gembira, arnab sedih.
Ayat subordinat	1. Dia nangis sebab kalah. 2.. Dia rehat sebab dia penat sangat-sangat.

Jadual 7: Contoh jenis-jenis ayat yang dihasilkan dalam naratif

Rajah 4 menunjukkan peratusan penggunaan jenis-jenis ayat dalam aktiviti bercerita semula pada umur yang berlainan. Pada umumnya, penggunaan ayat kompleks, ayat koordinat dan ayat subordinat oleh subjek berumur 6 tahun adalah lebih tinggi jika berbanding dengan subjek berumur 5 tahun.


Kumpulan umur yang menghasilkan ayat mudah yang paling tinggi ialah 5;0- 5;06 (14.40%), diikuti dengan kumpulan umur 6;07- 6;11 (11.13%), seterusnya ialah kumpulan umur 6;0-6;06 (12%) dan akhirnya kumpulan umur 5;07 -5;11 (10.50%).

Peningkatan penghasilan ayat kompleks tidak meningkat seiring dengan umur. Kumpulan umur yang menghasilkan ayat kompleks yang tertinggi dalam penceritaan

semula ialah 6;0 sehingga 6;06, dengan nilai peratusan 16.40%, diikuti dengan kumpulan umur 6;07-6;11(13.36%), seterusnya ialah kumpulan umur 5;07-5;11(6.55%) dan akhirnya kumpulan umur 5;0- 5;06 (4.36%).

Ayat koordinat dan ayat subordinat merupakan ayat yang paling kurang dihasilkan oleh semua subjek. Akan tetapi, subjek berumur 6 tahun lebih kerap menghasilkan ayat-ayat tersebut berbanding dengan subjek berumur 5 tahun. Bagi ayat koordinat, kumpulan umur yang menghasilkan nilai peratusan yang tertinggi ialah 6;0-6;06 (5.3%) dan kumpulan umur yang menghasilkan nilai peratusan yang terendah ialah 5;0-5;06 (0.29%). Kumpulan umur 5;07-5;11 dan 6;07- 6;11 masing-masing memperolehi nilai peratusan sebanyak 0.78% dan 3.11%.

Peningkatan peratus penghasilan ayat kompleks tidak meningkat sejajar dengan peningkatan umur. Kumpulan umur 6;0 6;06 memperolehi peratusan yang tertinggi dalam penggunaan ayat mudah berbanding dengan kumpulan umur yang lain, dengan nilai peratusan 17.4%. Seterusnya diikuti oleh kumpulan umur 6;07- 6;11(16.36%), kumpulan umur 5;0 -5;06(16.1%) dan kumpulan umur 5;07 -5;11 (13.5%).



Rajah 4: Peratusan penggunaan jenis-jenis ayat dalam aktiviti bercerita semula berdasarkan kumpulan umur yang berlainan

Perbincangan

Kesemua subjek berusia 5 tahun dan 6 tahun mempunyai kemahiran untuk bercerita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peningkatan min prestasi skor adalah linear dengan peningkatan umur. Ini bermakna, peningkatan kemahiran naratif adalah sejajar dengan peningkatan umur. Semakin tinggi prestasi skor naratif yang diperolehi bermakna kanak-kanak tersebut telah memperolehi kebolehan yang baik dalam penghasilan naratif. Hasil kajian juga mendapati bahawa apabila min prestasi naratif skor subjek bertambah dengan umur, kompleksiti struktur naratif juga turut bertambah.

Kebolehan kanak-kanak untuk bercerita semula tidak hanya bergantung kepada keupayaan untuk mengingatkan kembali plot-plot cerita, malah perkembangan naratif dipengaruhi oleh beberapa faktor. Menurut Miles dan Chapman (2002), pengalaman hidup dan persekitaran sosial, pemahaman tentang konsep sebab-akibat, struktur cerita, kosa kata dan struktur ayat dalam cerita telah menyumbang kepada perkembangan kemahiran bercerita. Menurut beliau lagi, pengalaman mentafsir cerita melalui gambar turut menjadi kemahiran yang penting dalam aktiviti bercerita. Apabila umur kanak-kanak semakin meningkat, keupayaan untuk bercerita akan bertambah akibat daripada perkembangan kompleksiti ujaran dan peningkatan keupayaan memahami kandungan cerita.

Hasil kajian ini mendapati tiada perbezaan atau korelasi antara jantina dengan prestasi skor dalam penceritaan semula bergambar merentasi keempat-empat kumpulan umur. Ini bermakna, kemahiran naratif kanak-kanak tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Penemuan ini adalah konsisten dengan kajian-kajian lain yang tidak menemui hubungan signifikan di antara jantina kanak-kanak dan penghasilan naratif (McEwen 1996; Peterson dan McCabe 1983).

Kebanyakan kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun menguasai penggunaan komponen orientasi, komplikasi dan keputusan. Penggunaan komponen tersebut meningkat dengan umur dan merupakan komponen yang paling banyak dihasilkan oleh semua subjek kajian. Ini mencadangkan bahawa kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun telah mula memperolehi pengetahuan tentang pembinaan struktur naratif yang kompleks dalam pembentukan plot cerita dan maklumat yang ingin disampaikan. Peningkatan dalam

penggunaan struktur-struktur naratif menambahkan kejelasan, ketepatan dan perkembangan plot-plot cerita (Norbury dan Bishop 2003).

Menurut McCabe dan Peterson (1991), kanak-kanak berumur 6 tahun berupaya menghasilkan naratif yang bersifat naratif klasik (*Classic narrative*). Pada umur ini, kanak-kanak mula menghasilkan bentuk cerita yang lengkap dan asas. Mereka berupaya memberikan struktur orientasi dengan membekalkan maklumat tentang siapa yang terlibat dalam cerita, apa yang berlaku dan di mana peristiwa-peristiwa itu terjadi dalam sesebuah cerita. Selain itu, kanak-kanak pada umur ini juga dapat menghasilkan urutan-urutan peristiwa yang menuju ke klimaks cerita (komplikasi) dan dapat menjelaskan bagaimana konflik itu diselesaikan (keputusan). Pernyataan ini menyokong dapatan kajian ini. Penggunaan komponen orientasi, komplikasi dan keputusan oleh kanak-kanak berumur 6 tahun adalah lebih tinggi berbanding kanak-kanak berumur 5 tahun.

Walau bagaimanapun, penggunaan komponen yang lain seperti koda dan abstrak merupakan komponen yang paling kurang dihasilkan oleh semua subjek dalam kajian ini. Hanya sesetengah subjek kajian sahaja yang menggunakan abstrak dan koda untuk memulakan dan mengakhiri cerita mereka. Ini mungkin disebabkan faktor penggunaan buku cerita bergambar di mana mungkin subjek kajian tidak terfikir bahawa mereka perlu memulakan dan mengakhiri cerita mereka dengan lengkap. Ini adalah kerana proses perkembangan naratif pada lingkungan umur ini masih berlaku dan belum mencapai tahap kestabilan (Crosson 1998). Selain itu, kebanyakan kanak-kanak prasekolah lebih memberi fokus kepada menceritakan peristiwa-peristiwa penting dalam sesebuah cerita oleh kerana peristiwa-peristiwa tersebut lebih dapat dilihat dan lebih diingati (Norbury dan Bishop 2003). Berman dan Slohin (1994) berpendapat kanak-kanak yang lebih tua tidak semestinya mempunyai kebolehan untuk mengakhiri cerita mereka dengan lengkap dan sempurna. Sesetengah kanak-kanak yang telah bersekolah masih tidak dapat memulakan dan mengakhiri cerita. Penghasilan struktur naratif yang lengkap hanya akan dicapai apabila kanak-kanak memasuki zaman remaja dan dewasa. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penggunaan kedua-dua komponen tersebut lebih dilihat pada subjek yang berumur 6 tahun namun masih berada pada tahap yang baru muncul.

Penggunaan komponen penilaian oleh subjek meningkat dengan umur. Apabila umur kanak-kanak semakin meningkat, kebolehan untuk membuat inferens tentang peristiwa yang berlaku dalam cerita meningkat. MaCabe dan Rollins (1994) menyatakan bahawa kemahiran membuat penilaian atau inferens melibatkan penggunaan ayat yang kompleks dan kemahiran kognitif yang tinggi. Faktor ini menyebabkan kanak-kanak yang lebih muda mengalami kesukaran untuk membuat penilaian terhadap peristiwa yang berlaku berbanding dengan kanak-kanak yang lebih tua.

Dilihat bahawa tahap penguasaan tahap-tahap ujaran mengikut profil LARSP menunjukkan bahawa terdapat perbezaan corak perkembangan bahasa iaitu bahasa yang lebih kompleks bagi subjek berusia 6 tahun berbanding dengan subjek yang berusia 5 tahun. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa perkembangan bahasa dan penghasilan naratif adalah berkaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain (Westerveld dan Gilon 2008; Gutierrez-Clellen dan Hofstetter 1994). Dalam penceritaan semula, majoriti ujaran yang dihasilkan oleh subjek berumur 5 tahun adalah di peringkat tahap II dan III manakala kebanyakan ujaran subjek berumur 6 tahun adalah di peringkat tahap LARSP yang tertinggi, iaitu Tahap VII. Ini selaras dengan kenyataan (Hoffman 2009) bahawa kemahiran naratif kanak-kanak meningkat dengan peningkatan umur dan perkembangan bahasa.

Berdasarkan Crystal (1991), LARSP tahap II dan III dihasilkan oleh kanak-kanak berumur di antara lingkungan umur 1;0 dan umur 2;06. Ayat yang dihasilkan merupakan kombinasi ayat mudah yang mempunyai 2 dan 3 elemen. Walaupun subjek berumur 5 tahun telah mula menggunakan ayat yang kompleks pada tahap V, VI dan VII, namun majoriti ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut masih pada tahap II dan III. Fenomena ini kemungkinan disebabkan kanak-kanak prasekolah lebih cenderung menggunakan ayat yang mudah untuk menyampaikan maklumat dalam aktiviti penceritaan. Paul dan Smitch (1993) berpendapat bahawa kanak-kanak berupaya menghasilkan jumlah maklumat yang mencukupi dalam aktitivi penceritaan walaupun bahasa yang digunakan kurang kompleks dari segi sintaksis. Koherens cerita dapat dicapai tanpa penggunaan ayat yang kompleks. Tidak seperti perbualan, aktiviti penceritaan bukan sahaja memerlukan kemahiran pemprosesan bahasa pada peringkat yang tinggi (*higher language processing*

skill), tetapi juga melibatkan pemahaman dan penggunaan makrostruktur untuk menghasilkan cerita. Oleh itu, kanak-kanak yang muda lebih cenderung menggunakan struktur sintaksis yang mudah dalam aktiviti penceritaan yang kompleks berbanding dengan kanak-kanak yang lebih tua yang mula menggunakan ayat yang lebih kompleks. Di samping itu, penggunaan ayat mudah dan berkoordinat lebih bersesuaian dengan ciri bahasa Melayu kolokial yang berasal daripada tradisi lisan.

Selain itu, faktor personaliti kanak-kanak juga mungkin mempengaruhi penghasilan naratif. Reynolds dan Evans (2009) telah menjalankan kajian tentang kemahiran naratif kanak-kanak yang pemalu sifatnya dan sebaliknya. Didapati bahawa kanak-kanak yang pemalu sifatnya kurang bertutur dan bercerita dan akan lebih cenderung menghasilkan ayat yang lebih pendek. Kemungkinan subjek berumur 5 tahun dalam kajian ini bersifat pemalu dan justeru itu, ia mungkin menghambat kebolehan sebenar kanak-kanak tersebut dalam penghasilan ujaran semasa bercerita.

Majoriti ujaran yang dihasilkan oleh subjek berumur 6;0 sehingga 6;11 tahun adalah pada Tahap VII. Didapati kebanyakan kanak-kanak tersebut menghasilkan dua jenis ayat. Contoh berikut merupakan salah satu jenis ayat yang dihasilkan oleh subjek berumur 6;04 dalam penceritaan semula.

Mereka berkata: "Arnab paling laju, kura-kura paling lambat."

Contoh ayat di atas merupakan jenis ayat cakap ajuk yang banyak digunakan dalam aktivti penceritaan (Taylor 1991). Boehm et. al. (2005) mengkategorikan ayat tersebut dalam LARSP tahap VII dan secara umumnya ia digunakan oleh kanak-kanak yang berumur 4;06 ke atas dan didapati digunakan dengan meluas oleh subjek berumur 6 tahun dalam aktiviti penceritaan semula.

Selain itu, jenis ayat kedua yang paling digunakan oleh subjek berumur 6 tahun ialah jenis ayat penyata yang didahului dengan frasa adverb '*lepas tu, pastu'*. Berdasarkan Crystal (1991), ayat tersebut dikategorikan pada tahap VII dalam LARSP. Contoh berikut merupakan salah satu jenis ayat yang dihasilkan oleh subjek berumur 6;01 dalam penceritaan semula.

Lepas tu, arnab lari laju-laju.

Penggunaan penanda temporal ‘lepas tu’, merupakan penanda wacana yang digunakan secara meluas oleh kanak-kanak dalam aktivti bercerita. Kemper dan Edwards (1986) mengatakan bahawa kanak-kanak yang berumur antara 4 dan 6 tahun banyak menggunakan penanda seperti *“and”* dan *“and then”* dalam cerita.

Secara keseluruhannya, berdasarkan contoh-contoh dan keterangan di atas, dapat diperlihatkan bahawa apabila umur kanak-kanak semakin meningkat, kebolehan bercerita semula meningkat dan penggunaan ayat yang kompleks juga semakin bertambah.

Daripada segi kombinasi elemen dalam ayat pula, terdapat ayat mudah 2-elemen, 3-elemen dan 4-elemen dijumpai dalam ujaran subjek dalam aktiviti penceritaan semula. Ayat mudah 2-elemen seperti Subjek + FKerja (SV) dan Subjek + Adverba (SA) banyak dihasilkan oleh subjek berumur 5;0-5;06. Manakala ayat mudah 3-elemen seperti Subjek+FKerja+Adverba (SVA) dan Subjek+FKerja+Objek (SVO) banyak dihasilkan oleh subjek berumur 5;06-5;11. Ayat mudah 4 elemen banyak digunakan oleh subjek berumur 6;0 sehingga 6;06.

Umur kanak-kanak seawal 5;0-5;06 telah mula menggunakan ayat subordinat, ayat koordinat dan ayat kompleks dalam penceritaan semula. Apabila penggunaan ayat subordinat dan ayat koordinat semakin meningkat dengan peningkatan umur, prestasi skor naratif semakin bertambah. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kumpulan umur ini mula menguasai kemahiran naratif yang sebenar. Menurut Hughes et. al. (1997), kanak-kanak mula menggunakan elemen sebenar untuk bercerita pada umur 5 hingga 7 tahun. Selain itu, kanak-kanak pada umur ini akan mula menghasilkan ayat yang mempunyai struktur ayat yang lebih kompleks untuk menyampaikan maklumat dalam cerita secara lengkap dan komprehensif.

Pada amnya, ayat mudah mendominasi keseluruhan ujaran yang dihasilkan oleh subjek dalam penceritaan semula diikuti dengan ayat kompleks, ayat koordinat dan ayat subordinat. Penemuan ini selaras dengan sifat bahasa Melayu basahan atau kolokial kerana menurut Rogayah et al (2010), penutur bahasa Melayu kolokial pada amnya menggunakan bahasa yang tidak begitu kompleks dan tidak begitu panjang ujarannya. Tahap kekompleksan struktur juga berada pada tahap sederhana. Pada amnya, elemen

imbuhan kata tidak lazim digunakan. Kadang kala subjek ayat digugurkan disebabkan oleh kekayaan konteks agar redundansi dikekalkan pada tahap yang minimum.

Kesimpulan

Memandangkan kajian terhadap perkembangan naratif kanak-kanak tempatan amat terhad, kajian ini telah menyumbang kepada pembentukan profil perkembangan naratif kanak-kanak yang berbahasa Melayu dari umur 5 sehingga 6 tahun. Profil ini boleh dijadikan maklumat penting bagi ahli terapis pertuturan bahasa yang mengendalikan kecelaruan komunikasi kanak-kanak Melayu berumur 5 dan 6 tahun di klinik ataupun boleh digunakan oleh guru di dalam kelas. Ini adalah penting memandangkan kemahiran naratif adalah salah satu kemahiran asas berbahasa dan dapat dijadikan satu pengukur kepada prestasi akademik kanak-kanak di sekolah.

Melalui analisis makrostruktur yang terhasil daripada kajian ini, terapis pertuturan bahasa boleh mengenal pasti struktur-struktur naratif yang digunakan oleh kanak-kanak. Ia juga boleh membantu guru untuk mengajarkan kemahiran berbahasa seperti kemahiran menulis karangan dan kebolehan lisan bercerita.

Kajian ini juga akan dapat membantu terapis pertuturan bahasa menyediakan intervensi yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran naratif di kalangan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran. Keberkesanan intervensi naratif dibuktikan dalam beberapa kajian yang dijalankan terhadap kanak-kanak berbahasa Inggeris di Barat (Gerstan et. al. 2001; Westerveld dan Gillon 2008, Luo & Timler, 2008). Pada peringkat makrostruktur, keseluruhan kualiti cerita yang dihasilkan oleh kanak-kanak diutamakan dalam intervensi. Terapis pertuturan bahasa boleh meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk memahami serta menggunakan struktur-struktur naratif untuk menghasilkan cerita yang tersusun dan bermakna. Pada peringkat mikrostruktur pula, penekanan intervensi akan tertumpu kepada penggunaan struktur ayat-ayat dan kosa kata yang pelbagai untuk bercerita.

Kajian selanjutnya mungkin dapat mengkaji kemahiran naratif secara lebih mendalam dengan melihat kepada jenis naratif yang lain seperti pengisahan pengalaman

peribadi. Data penyelidikan daripada pelbagai jenis naratif akan dapat memperkayakan himpunan data tentang kemahiran bercerita di kalangan kanak-kanak Melayu.

Penghargaan

Terima kasih dirakamkan kepada pihak British Council di atas Geran Prime Minister Connect II yang telah membiayai projek penyelidikan ini. Juga kepada kanak-kanak yang terlibat dan ibu bapa /penjaga yang telah memberikan kebenaran untuk anak-anak mereka mengambil bahagian di dalam kajian ini. Kertas ini merupakan Geran British Council?s Prime Minister Initiative 2 Connect (Project Code RC 147) bertajuk *'Researching Syntactic Development for Malay and Chinese Children in Malaysia & Constructing Syntactic Assessment Tools for Speech & Language Therapy.* NN-013-2009. De Montfort University, Leicester (DMU) & Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Rujukan

Applebee, A. N. 1978. *The Child's Concept of Story: Ages 2 to 17*. Chicago: University of Chicago Press.

Aukrust, V. 2002. 'What did you do in school today?'Speech Genres and Tellability in Multi-party Family Mealtime Conversation in Two Cultures. Dalam S.Blum-Kulka and Snow (Eds.) *Talking to Adults, The Contribution of Multi-party Discourse to Language Acquisition*. Pgs55-84. Hove:Lawrence Erlbaum Associates.

Berman, R.A. & Slobin, D.I. 1994. *Relating Events in Narrative: A Sociolinguistic Developmental*. Hillsdale, N.J. Lawrence Erlbaum Associates.

Boem, J., Daley, G. Harvey, S., Hawkins,A., Tsap, B. 2005. *Language Assessment Remediation and Screening Procedure: Users Manual*. La Trobe University.

Crosson, J.A. 1998. *Structural Analysis of Narration Produced by Normal Hearing and Deaf Children*.Tesis Sarjana.Washington University School of Medicine.

Crystal, D. 1992. *Profiling Linguistic Disability*. Ed. Ke-2. London: Whurr Publishers.

Cutierrez-Clellen, V.F. & Hofstetter, R. 1994. Syntactic Complexity in Spanish Narratives : A Developmental Study. *Journal of Speech Language and Hearing Research*. 37: 645-654.

Hoffman, L.M. 2009. The Utility of School-age Narrative Microstructure Indices: INMIS and the proportion of Restricted Utterances. *Language, Speech and Hearing Services in School*. 25: 76-89.

Hughes, D., McGillivrary, L. & Schmkdek, M. 1977. *Guide to Narrative Language Procedure for Assessment*. Eau Claire, WI:Thinking Publications.

Kemper, S. & Edwards, L.L. 1986. Children's Expression of Causality and Their Construction of Narratives. *Topics in Language Disorders*. 7(1): 11-20.

Labov, W. 1972. *Language in the Inner City*. Philadelphia: University of Pennslyvania Press.

Luo, F. & Timler, G.R. 2008. Narrative Organizational Skills in Children with Attention Deficit Hyperactivity Disorder and Language Impairment : Application of the Causal Network Model. *Clinical Linguistics & Phonetics.* 22(1): 25-46.

McCabe, A. & Peterson, C. 1991. What makes a good story? *Journal of Psycholinguistic Research*. 13:457-480.

McCabe, A. & Rollins, P.R. 1994. Assessment of Preschool Narrative Skills. *American Journal of Speech and Language Pathology*: 45-46.

McEwen. S. 1996. Learning to Speak like Girls and Boys: A Developmental Study in Gender and Narrative Style. *Language, Information, and Computation (PACLIC)*: 449-458.

Miles, S. & Chapman, R.S. 2002. Narrative Content as Described by Individuals with Down Syndrome and Typically Developing Children. *Journal of Speech,Language & Hearing Research*. 45: 175-189.

Mohd Azmarul A Aziz. 2001. *Perkembangan Naratif Kanak-Kanak Melay Berumur Lima Tahun*. Tesis Sarjana Muda (Tidak diterbitkan), Jabatan Audiologi & Sains Pertuturan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norbury, C.F. & Bishop, D.V. 2003. Narrative skills of children with communication impairments. *International Journal of Language Disorders.* 38. 3. : 287-313.

Paul, R. 2007. Language *Disorders from Infancy Through Adolescence: Assessment & Intervention*. Edisi ke-4. Missouri: Mosby, Inc.

Paul, R. & Smitch, R.L. 1993. Narrative Skills in 4-year-olds with normal, impaired, and late-developing language. *Journal of Speech and Hearing Research*. 36: 592-598.

Peterson, C. & McCabe, A. 1983. *Developmental Psycholinguistics: Three Ways of Looking At A Child's Narrative*. New York, Plenum.

Preece, J.R. 2006. The Range of Narrative Forms Conversationally Produced by Young Children. Journal of Child Language.14:353-357.

Renfrew,C. 1997. *The Bus Story Language Test*. Austin, TX: Pro-Ed.

Reynolds, K.P. & Evans, M.A. 2009. Narrative Performances and Parental Scaffolding of Shy and Nonshy Children. *Applied Psycholinguistics*. 30:363-384.

Rogayah A Razak, Charles Madison, Siow Yee Kuan, & Mohd Azmarul A. Aziz.2010. Preliminary Content Validity and Reliability of a Newly Developed Malay Preschool Language Assessment Tool. *Asia Pacific Journal of Speech, Language, and Hearing*, Volume 13, Number 4, pp. 217–234. Plural Publishing, Inc.: US.

Stein, N. & Glenn, C. 1979. An Analysis of Story Comprehension in Elementary School Children. In Freedle, R.O. (Ed). *New Direction in Discourse Processing*. 11. Norwood, NJ.: Abex Publishing.

Mohd Syahrulikram Mohd Yasin.2001. *Perkembangan naratif kanak-kanak Melayu berumur enam tahun*. Tesis Sarjana Muda (Tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taylor, G.J. 1991. Linguistic or Communicative Competence–Which Wins? *Jurnal Bahasa moden.* 6. Pusat Bahasa, Universiti Malaya.

Umiker-Sebeok, D.J. 1979. Preschool children's intraconversational narratives. *Journal of Child Language*. 6 : 91-109.

Westerveld, M.F. & Gillon, G.T. 2008.Oral Narrative Intervention for Children with Mixed Reading Disability. *Child Language Teaching and Therapy*. 24: 31-54.

LAMPIRAN A

CONTOH NARATIF

5;5 tahun

Arnab dan kura-kura nak lari. Dekat garisan, dorang tengah sa...siapa menang dia juara. Binatang lain tengok. Gajah, zirafah, singa, monyet, harimau. Arnab lari laju, kura-kura langkah slow. Arnab tertidor kat pokok. Kura-kura dah nak dekat dengan garisan. Arnab tak nampak kura-kura dekat garisan, arnab tidur. Kura-kura dah lepas dekat arnab. Kura-kura menang, arnab tidur. Arnab dah bangun. Arnab tengok kura-kura dah nak sampai garisan. Kura-kura menang. Kura-kura rasa gembira, arnab sedih. Dia tak dapat kejar kura-kura.

5;11 Tahun

Ini perlumbaan antara sang arnab dan sang kura-kura. Ada haiwan - monyet, gajah, harimau, kura, singa, arnab. Kura-kura cakap marilah kita lumba lari. Arnab pun cakap, ”Awak kalahkan saya?”, hahaha dia gelak. Binatang lain pun dia dengar. Dia nak berlumba lari pagi besok. Pagi, dia dah nak mula. Arnab lari laju macam kita. Kura-kura – dia lambat. Arnab tu pun berehat kat tempat pokok. Dia rehat sebab dia penat sangat-sangat. Kura-kura jauh lagi, sampai sini, jauh lagi. Bila dia nak sampai, entahlah. Kura-kura dah nak sampai penamat. Arnab pun nampak kura-kura dah sampai penamat tu. Dia sedih sebab kura-kura sampai tempat penamat. Kura-kura gembira sebab dia menang. Kura-kura, ia gelak, ia ketawakan arnab, arnab pun sombong (sic) sebab dia kalah

6 Tahun

Cerita kura-kura dengan arnab. Dorang nak berlumba. Ni dia orang tu tengah cakap -cakap dengan kawan-kawan. Jom kita main lumba lari. Arnab tu dia gelak dekat kura-kura sebab arnab lagi laju dari kura- kura. Sepatutnya kura -kura yang menang sebab arnab rehat sekejap.

Dorang tu tengok je siapa yang menang dulu. Sebenarnya arnab berlari, kura-kura perlahan. Dia lumba dekat padang. Pas tu arnab tu dia berehat kat bawah pokok sebab dia penat. Dia lari laju sangat. Kejap lagi kura-kura dah nak datang. Pas tu kura-kura sampai dulu.

Kura-kura menang. Arnab tu dia lari laju tadi. Mula mula dia jalan dekat sini. Lepas tu dekat sini dah sampai. Kura-kura menang, arnab kalah. Dia(Rabbit) sedih sebab dia kalah.

LAMPIRAN B
BORANG STRUKTUR

AKTIVITI : Mula-mula bercerita secara ringkas dengan kanak-kanak menggunakan buku cerita bergambar dan kemudian minta kanak-kanak itu menceritakan semula cerita itu kepada anda.

JENIS STRUKTUR	CONTOH JAWAPAN	Nyatakan jika struktur itu diberikan (Y=1 T=0)	
ABSTRAK	Ini adalah cerita lumba lari antara kura-kura dan arnab.		**Y/T**
ORIENTASI	Pada suatu petang yang indah, singa, harimau, gajah dan beberapa ekor binatang lain berkumpul beramai-ramai di dalam hutan.	**SIAPA**	**Y/T**
		BILA	**Y/T**
		APA	**Y/T**
		DI MANA	**Y/T**
KOMPLIKASI	Tetapi, pada waktu itu, kura-kura berkata kepada arnab: "Marilah kita berlumba lari. Kalau kita lumba lari, aku pasti akan kalahkan awak. Aku akan menang," Awak…kalahkan saya?" HaHa Ha! Arnab tidak percaya kura-kura boleh berkata begitu dan dia mula ketawakan kura-kura.		**Y/T**
KEPUTUSAN	Maka, mereka bersetuju untuk berlumba lari pada esok paginya.		**Y/T**
ORIENTASI	Pada esok pagi, semua binatang berkumpul di garis mula. Mereka bersetuju siapa yang sampai di garisan penamat dulu adalah pemenang. Kura-kura dan Arnab mula berlumba.	**SIAPA**	**Y/T**
		BILA	**Y/T**
		APA	**Y/T**
		DI MANA	**Y/T**
KOMPLIKASI	Arnab mula lari, berlari dan berlari; berlari dengan pantas sehinggakan dia tidak kelihatan dari pandangan. Tetapi Kura-kura hanya bergerak setapak demi setapak meninggalkan garis mula.		**Y/T**
KEPUTUSAN	*Arnab berfikir," Aku tak nampak bayang kura-kura. Dia tak ada di sini. Aku panas dan penat. Aku akan berehat di sini. Maka, dia tertidur di*		**Y/T**

	bawah pokok yang rendang.		
KEPUTUSAN	*Kura-kura terus bergerak setapak demi setapak; dia tidak berhenti rehat. Dia melalui Arnab yang sedang tidur, setapak demi setapak, dan terus ke garisan penamat.* *Kura-kura sampai ke garisan penamat.*		**Y/T**
KOMPLIKASI/ KEPUTUSAN	*Pada waktu itu, Arnab terjaga dari tidur dan cuba lari sepantas mungkin, lari dan lari, tetapi sudah terlambat. Kura-kura telah menang.*		**Y/T**
PENILAIAN	*Kura-Kura berasa sangat gembira dan berkata, "Ingat, rajin berusaha tangga kejayaan."*		**Y/T**
KODA	Begitulah cerita itu berakhir./ Tamat.		**Y/T**
		JUMLAH SKOR (0 - 17)	

LAMPIRAN C - LARSP

Name Age Sample date Type

A	**Unanalysed** 1 Unintelligible 2 Symbolic Noise 3 Deviant													**Problematic** 1 Incom-plete 2 Ambig-uous 3 Stereo-types							
B	**Responses**																				
	Stimulus Type		Totals	Repet-itions	Normal Response									Abnormal							
					Major																
					Elliptical			Red-uced	Full	Minor	Struc-tural	∅	Prob-lems								
					1	2	3+														
		Questions																			
		Others																			
C	**Spontaneous**																				
D	**Reactions**				General			Structural			∅			Other			Problems				

Stage I (0;9–1;6)	**Minor**	*Responses*												*Vocatives*		*Other*		*Problems*			
	Major	*Comm.*		*Quest.*		*Statement*															
		'V'		'Q'		'V'		'N'								Other		Problems			
Stage II (1;6–2;0)	Conn.	Clause														Phrase				Word	
		VX		QX		SV		AX								DN		VV		-ing	
						SO		VO								Adj N		V part		pl	
						SC		VC								NN		Int X			
						Neg X		Other								PrN		Other		-ed	
Stage III (2;0–2;6)		X + S:NP				X + V:VP				X + C:NP						X + O:NP				X + A:AP	
		VXY		QXY		SVC				VCA						D Adj N		Cop		-en	
		let XY				SVO				VOA						Adj Adj N				3s	
				VS(X)		SVA				VO_2O_1						Pr DN		Aux^M_O			
		do XY				Neg XY		Other								$Pron^P_O$		Other		gen	
Stage IV (2;6–3;0)		XY + S:NP				XY + V:VP				XY + C:NP						XY + O:NP				XY + A:AP	
		+ S		QVS		SVOA				AAXY						NP Pr NP		Neg V		n't	
				QXY +		SVCA				Other						Pr D Adj N		Neg X		'cop	
		VXY +		VS(X+)		SVO_2O_1										cX		2 Aux			
				tag		SVOC										XcX		Other		'aux	
Stage V (3;0–3;6)	*and*	Coord.		Coord.		Coord.		1		1 +						Postmod. clause	1	1 +		-est	
	c	Other		Other		Subord. A		1		1 +										-er	
	s					S	C		O							Postmod. phrase	1 +			-ly	
	Other					Comparative															
		(+)														(−)					
Stage VI (3;6–4;6)		NP		VP		Clause		Conn.		Clause		Phrase								Word	
		Initiator		Complex		Passive		*and*		Element		NP				VP				N	V
		Coord.				Complement.		c		∅		D	Pr	$Pron^P$		Aux^M	Aux^O	Cop		*irreg*	
						how				⇆		D∅	Pr∅								
						what		s		Concord		D ⇆	Pr ⇆			∅				*reg*	
		Other						Other												Ambiguous	
Stage VII (4;6+)		*Discourse*														*Syntactic Comprehension*					
		A Connectivity		*it*																	
		Comment Clause		*there*												*Style*					
		Emphatic Order		Other																	
		Total No. Sentences				Mean No. Sentences Per Turn										Mean Sentence Length					

© D. Crystal, P. Fletcher, M. Garman, 1981 revision, University of Reading